KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2013

1 Julai 2013

Bank Negara Malaysia mengumumkan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) baharu, yang berkuat kuasa pada 30 Jun 2013. Undang-undang ini memberi Bank Negara Malaysia kuasa pengawasan pengawalan dan penyeliaan yang perlu untuk mencapai mandatnya yang luas dalam persekitaran yang lebih kompleks dan saling berhubung memandangkan perkembangan kewangan yang bersifat serantau dan antarabangsa. FSA dan IFSA menggabungkan beberapa undang-undang yang berasingan untuk mengawal selia sektor kewangan di bawah rangka kerja perundangan tunggal masing-masing untuk sektor kewangan konvensional dan Islam. Undang-undang yang berasingan ini terdiri daripada Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 yang dimansuhkan pada tarikh yang sama. FSA dan IFSA ini akan meletakkan sektor kewangan Malaysia pada platform untuk terus maju ke hadapan sebagai satu sistem kewangan yang kukuh, bertanggungjawab dan progresif.

2 Julai 2013

Dalam usaha menyokong agenda nasional “Going Green”, Bank Negara Malaysia menggalakkan penggunaan wang kertas denominasi RM1 dan RM5 yang sesuai untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri. Inisiatif ini merupakan usaha yang membabitkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Malaysian Environmental NGOs dan Yayasan Anak Warisan Alam untuk menggalakkan kelestarian sumber negara dan pemuliharaan alam sekitar.

5 Julai 2013

Bank mengumumkan satu set langkah yang bertujuan untuk mengelak hutang isi rumah yang berlebihan dan memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh penyedia kredit utama. Langkah-langkah ini, yang berkuat kuasa serta-merta, ialah tempoh pinjaman maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi; tempoh pinjaman maksimum selama 35 tahun untuk pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman; serta larangan menawarkan produk pembiayaan peribadi yang diluluskan terlebih dahulu. Penyedia kredit yang utama juga dikehendaki mematuhi nisbah khidmat bayaran hutang yang berhemat dalam penilaian kredit mereka.

Bagi meningkatkan pengurusan hutang yang bertanggungjawab oleh isi rumah, Bank akan mempergiat usahanya untuk menyediakan pendidikan kewangan kepada semua segmen masyarakat. Di samping itu, rangka kerja perlindungan pengguna akan terus diperkukuh di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam.

11 Julai 2013

Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3% pada mesyuarat keempat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) tahun ini. Dalam penilaian MPC, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan yang sederhana dan permintaan dalam negeri terus menyokong ekonomi Malaysia.

Pada mesyuarat seterusnya pada 5 September, MPC mengekalkan OPR pada kadar yang sama. Dalam penilaian MPC, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan yang sederhana disebabkan kekukuhan pemulihan dalam ekonomi maju yang utama masih belum lagi mencapai momentum. Bagi ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan. Berdasarkan penilaian MPC, terdapat ketidakpastian yang meningkat kepada imbangan risiko dalam prospek pertumbuhan domestik dan inflasi. MPC akan terus membuat penilaian yang teliti terhadap perkembangan ekonomi dan kewangan global dan dalam negeri serta implikasinya terhadap keseluruhan prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

30 Julai 2013

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dan berkongsi maklumat dalam bidang-bidang kepentingan bersama bagi pelaksanaan mandat masing-masing yang berkesan. MoU ini meliputi perumusan undang-undang dan dasar, inisiatif rangkuman kewangan, bina kapasiti dan kerjasama teknikal serta pengaturan kerjasama untuk kestabilan kewangan. MoU ini juga menggariskan rangka kerja operasi dan penilaian yang akan digunakan oleh Bank dan Suruhanjaya apabila mempertimbangkan permohonan daripada syarikat koperasi untuk menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai, selain ahli koperasi sendiri.

1 Ogos 2013

Perdana Menteri Malaysia memperkenalkan pasaran kewangan Islam Malaysia kepada dunia dan beridentitikan jenama ikonik baharu MIFC - **"Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia"**, yang menandakan satu pencapaian penting dalam pembangunan industri kewangan Islam di Malaysia. Perdana Menteri turut mengambil peluang menyampaikan undangan terbuka kepada komuniti kewangan global untuk bekerjasama dan saling mengambil manfaat daripada pasaran kewangan Islam Malaysia yang menawarkan rangka kerja pengawalan, penyeliaan, Syariah dan undang-undang yang komprehensif.

21 Ogos 2013

Dalam sidang akhbar KDNK Suku Kedua 2013, Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar tahunan 4.3%. Meskipun permintaan dalam negeri terus kukuh, eksport mencatat penurunan lebih besar berikutan prestasi yang lembab bagi kebanyakan produk eksport. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Bank turut melaporkan data berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), dengan ekonomi mencatat pertumbuhan sebanyak 1.4% (S1 2013: -0.4%). Sementara itu, kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 1.8% pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan alkohol dan perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain.

28 Ogos 2013

Dalam ucapan beliau di Simposium Antarabangsa Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance) 2013, bertajuk "Landskap Baharu Tenaga Mahir", Gabenor menekankan bahawa pembangunan dan pengurusan tenaga mahir perlu diberi keutamaan tinggi dalam membuat persediaan untuk masa hadapan yang pastinya jauh berbeza berbanding dengan persekitaran semasa. Dua peralihan ketara dalam persekitaran ialah transformasi yang nyata terhadap landskap ekonomi, kewangan dan perniagaan serta perubahan pada ciri-ciri dan sifat tenaga mahir.

Peralihan ini membentuk semula permintaan terhadap tenaga mahir yang merupakan aset paling penting dalam mana-mana organisasi, termasuk sektor kewangan. Strategi dan pendekatan baharu untuk pengurusan modal insan yang berkesan adalah penting. Gabenor juga menyatakan bahawa usaha untuk menangani kekurangan bekalan tenaga kerja kritikal, khususnya dalam bidang penilaian dan pengurusan risiko dalam persekitaran operasi baharu dan juga kewangan Islam, perlu diberi keutamaan segera.

Pada hari yang sama, Bank dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) mengadakan mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu ekonomi dan kewangan dan bagi mempertimbangkan inisiatif yang dapat membantu menggalakkan perkembangan pasaran kewangan di Malaysia dan Hong Kong. Susulan perbincangan ini, Bank dan HKMA bersetuju untuk terus mengukuhkan lagi kerjasama melalui pengaturan kolaboratif bagi mempererat hubungan perdagangan dan pelaburan. Usaha sama ini termasuk, antara lain, perkembangan perniagaan renminbi luar pesisir dan pengantarabangsaan kewangan Islam.

30 Ogos 2013

Bank dan Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) menandatangani Surat Kerjasama untuk merumuskan satu rangka kerja usaha sama bagi pembinaan kapasiti khusus untuk penggubal dasar dan pengawal selia di seluruh dunia. Di bawah inisiatif ini, Bank dan AFI akan bersama-sama merumuskan dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berstruktur dalam bidang dasar yang berkenaan bagi mempergiat usaha-usaha untuk memperkukuh rangkuman kewangan melalui 108 institusi anggota rangkaian AFI.

31 Ogos 2013

Bank mengeluarkan Duit Syiling Peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Muzium Negara yang ke-50. Duit syiling dikeluarkan sebagai Emas Pruf, Perak Pruf dan Emas Nordic masing-masing dengan nilai muka sebanyak RM100, RM10 dan RM1.

6 September 2013

Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengumumkan penubuhan Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA), sebuah badan jaminan kualiti dan akreditasi antarabangsa yang bebas untuk industri perkhidmatan kewangan. FAA, yang memulakan operasinya pada bulan Ogos 2012, menyediakan penilaian program pembelajaran, akreditasi, dan audit keinstitusian yang akan menyumbang ke arah pembangunan jaminan kualiti dan penggalakan inisiatif pembelajaran dalam industri perkhidmatan kewangan. Selain itu, FAA akan berusaha meningkatkan kerjasama dan penggabungan untuk pengiktirafan secara bersama dan global, dengan badan-badan dan persatuan profesional tempatan dan antarabangsa, badan akreditasi, dan institusi pendidikan tinggi.

12 September 2013

Bank Negara Malaysia dengan Alliance for Financial Inclusion (AFI) menganjurkan secara bersama Forum Dasar Global Tahunan ke-5 (Global Policy Forum, GPF) yang bertemakan "Memacu Dasar ke Arah Impak yang Optimum". Forum ini dihadiri lebih daripada 400 orang peserta dari 80 buah negara untuk berbincang dan mempertimbangkan strategi dasar optimum dalam pelbagai konteks melalui sinergi matlamat rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan perlindungan pengguna.

Dalam ucapan alu-aluannya, Gabenor Dr. Zeti merakamkan penghargaan kepada Baginda Permaisuri Máxima dan negara Belanda kerana membawa agenda penting rangkuman kewangan untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa.

Gabenor Dr Zeti juga, antara lain, menyatakan bahawa pembaharuan global dalam sistem kewangan, sedang membentuk semula landskap pengawalseliaan. Oleh itu, dalam persekitaran ini, perkara yang perlu diberi keutamaan ialah mempertingkat perlindungan bagi beberapa segmen masyarakat, khususnya perniagaan kecil dan isi rumah, daripada dipinggirkan oleh kuasa pasaran, dan daripada kesan ketidakselarasan yang disebabkan ketidakstabilan, krisis dan pembaharuan. Beliau juga menekankan peranan institusi kewangan bukan bank dan pendidikan kewangan yang berkesan untuk menyumbang dengan mampan kepada rangkuman kewangan.

Forum Dasar Global ini berakhir dengan pengisytiharan Sasana Accord yang mengukuhkan lagi komitmen Rangkaian AFI terhadap Maya Declaration, dengan melaksanakan penilaian sistematik terhadap impaknya bagi memastikan matlamat rangkuman kewangan dinilai dan diukur secara kuantitatif.

16 September 2013

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Malaysia Ke-50. Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun bagi memperingati penubuhan persekutuan Malaysia yang terdiri daripada 11 buah negeri di Tanah Melayu dan dua buah negeri di Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak. Duit syiling ini dikeluarkan sebagai Emas Pruf, Perak Berwarna Pruf dan Emas Nordic masing-masing dengan nilai muka sebanyak RM100, RM10 dan RM1.